

20 JUL 2002

Mahathir-Umno

SEMANGAT JUANG AHLI UMNO SEMAKIN KURANG, KATA PM

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad hari ini menegur sikap sesetengah ahli Umno yang menurutnya telah kurang semangat perjuangannya apabila mengambil sikap lebih mementingkan diri sehingga memberi kesan kepada sokongan terhadap parti.

Beliau membuat perbandingan kejayaan pilihanraya 1955 apabila semangat kental orang Melayu dari Umno yang menyokong Parti Perikatan telah menyebabkan parti menang 54 daripada 55 kerusi yang dipertandingkan.

"Tapi kini kita dapati semangat perjuangan semakin kurang apabila mereka bertanya pula apa yang akan mereka perolehi sekiranya menyokong Umno. Ada juga tanya telah jadi ahli Umno 15, 20 tahun ... dapat apa?," katanya semasa berucap merasmikan mesyuarat agung Alumni Kelab-Kelab Umno Luar Negara di Dewan Merdeka, PWTC di sini, malam ini.

Beliau berkata sokongan terhadap Umno menjadi kurang apabila ramai ahli mengambil sikap lebih mementingkan diri daripada perjuangan parti.

Beliau memberi contoh perolehan majoriti yang amat sedikit pada pilihan raya kecil Pendang yang menyaksikan Barisan Nasional menang hanya dengan kelebihan 283 undi sahaja.

Katanya, sekarang sudah ada sikap di kalangan anggota yang cepat merajuk perkara yang remeh seperti isu sokongan ahli luar kawasan, kurang peruntukan, malah ada yang mengugut untuk tutup bilik gerakan sekiranya tuntutan tidak dipenuhi.

"Dulu kita tidak janji apa-apa kesenangan pun. Kita cuma janji kemerdekaan untuk meletak taraf negara duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara lain. Tapi disebabkan semangat dan sokongan yang kental, kita perolehi kejayaan," katanya.

Perdana Menteri seterusnya berkata ahli Umno seharusnya faham bahawa mereka tidak seharusnya menidakkan perjuangan Umno yang selama ini telah membawa kesejahteraan kepada mereka.

"Memang perjuangan Umno tidak meletakkan kelebihan secara terus ke dalam poket mereka, tapi bolehkah mereka ini kecapi kemudahan sekolah, jalan raya, bekalan air dan elektrik yang baik sekiranya tiada Umno," katanya.

Beliau berkata Umno akan terus cemerlang sekiranya ahli meletakkan perjuangan ke arah mencapai kecemerlangan kepada agama, bangsa dan negara dan bukannya untuk kepentingan diri.

Perdana Menteri kemudiannya menerima sumbangan beberapa syarikat besar antaranya Kumpulan Glomac, Puncak Niaga, IJM Corporation Bhd, AIROD dan Pembinaan Puncak Cergas Sdn Bhd untuk Alumni tersebut.

-- BERNAMA

AZH AZH ZB